

Lahirkan pemimpin

UM 29 OCT 2003

KUALA LUMPUR 28 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini meniup semangat rakyat negara ini dengan berkata, Malaysia perlu membina sumber manusianya dengan menghasil dan membentuk pemimpin yang bertaraf dunia.

Perdana Menteri berkata, oleh itu perlu ada usaha berterusan ke arah anjakan paradigma dalam pemikiran rakyat bagi membentuk masyarakat lebih bertanggungjawab, moden serta maju dan pintar berfikir, bangga dengan kejayaan serta yakin tentang kemampuan sendiri sejajar dengan era maklumat.

“Kita perlu membina satu sistem dan institusi yang menggalakkan pembelajaran dalam semua peringkat secara berterusan,” katanya ketika melancarkan Pusat Antarabangsa Bagi Kepimpinan Dalam Kewangan (ECLIP) di sini hari ini.

Katanya, ini kerana asas ekonomi berasaskan pengetahuan yang merupakan teras Wawasan 2020 bergantung kepada rakyat yang terlatih bagi menguruskan aset penting negara.

Katanya, ini kerana mempunyai kepimpinan yang hebat, baik dalam sektor awam atau swasta, merupakan satu keperluan bagi mencapai Wawasan 2020.

Perdana Menteri berkata, negara sekarang berada pada landasan yang betul untuk menjadi negara maju sepenuhnya dan sudah separuh jalan dalam mencapai Wawasan 2020 tetapi ia tidak akan dicapai begitu sahaja tanpa usaha yang berterusan.

“Kita ambil tindakan penting ke arah itu (menjadi negara maju), tetapi dalam keadaan

tidak menentu sekarang, kita tidak mampu untuk bersikap selesa dan membiarkan ia berlalu begitu sahaja,” katanya.

Dr. Mahathir berkata, semua pihak perlu melihat apa yang telah dicapai hari ini dan bagaimana negara dapat sampai ke tahap sekarang.

Dengan itu katanya, segala kesalahan dan kejayaan dapat dijadikan panduan pada masa depan.

“Ini penting kerana kita tidak mengambil model pembangunan barat secara membuta-tuli. Kita telah membentuk landasan sendiri yang unik dan sepanjang proses itu sedikit sebanyak kita telah mempelajari sesuatu,” katanya.

Landasan

Beliau berkata, semasa Malaysia mencapai Kemerdekaan pada 1957, bilangan penduduknya hanya lima juta orang dengan pendapatan per kapita AS\$300 tetapi hari ini, jumlah penduduk adalah 25 juta orang dan pendapatan per kapita meningkat kepada AS\$4,000.

“Semua ini tidak berlaku begitu saja. Malaysia merancang, menggunakan strategi serta memperkenalkan dasar dan kaedah yang kebanyakannya berunsur pasaran dalam pelbagai rancangan pembangunan negara, dan lebih penting lagi, telah melaksanakannya dengan berkesan,” katanya.

Satu bukti penting tentang kejayaan strategi Malaysia, katanya, 82 peratus daripada eksport Malaysia pada masa ini yang berjumlah hampir RM380 bilion, terdiri daripada barangan perkilangan.

bertaraf dunia — PM

Katanya, perindustrian membantu ke arah pertumbuhan ekonomi Malaysia, dengan mewujudkan peluang pekerjaan dan menambah pendapatan selain mendorong pembinaan infrastruktur moden.

“Namun, selama ini, kita berhemah dalam perbelanjaan kita, dengan berbelanja pada kadar yang termampu, dan meminjam apa yang kita boleh bayar,” kata Dr. Mahathir.

Kerajaan juga katanya, sentiasa mengikut perkembangan dalam kemajuan teknologi dunia dan telah menggalakkan pemilikan teknologi baru bagi industri baru termasuk teknologi maklumat (IT).

Katanya, kerajaan bertindak pantas dan menggalakkan IT dengan menyediakan wang dan insentif untuk pelaburan tempatan dan asing dalam bidang itu.

“Lebih banyak kios IT dan pusat siber akan ditubuhkan oleh kerajaan khususnya di luar bandar bagi menambah peluang belajar dan berlatih,” kata beliau.

Dalam usaha melahirkan masyarakat berilmu, katanya, Kerajaan menggalakkan pembelajaran berterusan melalui penubuhan kolej komuniti, universiti terbuka dan pengajian jarak jauh memberi peluang kepada rakyat Malaysia untuk mendapatkan pendidikan tinggi dan meningkatkan kemahiran dan kelayakan mereka.

Sehubungan itu, beliau menggalakkan institusi kewangan menyediakan pinjaman mudah kepada orang dewasa untuk menyangkut pengajian mereka manakala Kumpulan Wang Simpanan Pekerja menyediakan peluang bagi rakyat Malaysia membiayai pengajian mereka.

Majikan pula, kata beliau, akan diminta menggalakkan pengajian berterusan dan latihan semula bagi membekalkan pekerja

dengan kemahiran baru dan ilmu agar mereka dapat bergerak seiring dengan pelbagai kemajuan teknologi.